



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 26



Kursus Pemantapan Organisasi PSAS

- muka 4

Program Pendidikan Yayasan Bank Rakyat Bersama UPM 2022 - muka 3

Pameran Lukisan Batik Canting 2 Generasi - muka 7

Top 5 High Research Output Awards - muka 9

Pembuka Bicara.....

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Penggal kedua tahun 2022 suasana kampus semakin ceria dengan kehadiran secara fizikal para pelajar ke kampus. Pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu ke kampus dan penglibatan para pelajar dengan aktiviti yang dianjurkan oleh Perpustakaan. Hasil hubungan strategik UPM dan Bank Rakyat, Perpustakaan telah menjadi lokasi pemberian Bantuan Awal Pendidikan dari Yayasan Bank Rakyat yang dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dalam menyediakan kelengkapan bagi memulakan sesi pembelajaran. Pelbagai kelas dan aktiviti kemahiran maklumat juga diteruskan mengambil kira kesesuaian dan kefleksibelan pelajar.

Bagi warga PSAS, peningkatan mutu perkhidmatan disokong oleh pelaksanaan EKSA menjadikan PSAS sebuah tempat yang kondusif dalam menyokong misi universiti. Memegang aspirasi Naib Canselor "Sederap Melangkah Menuju al-Falah", PSAS akan terus cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada warga universiti.

Salam hormat.

NORFAEZAH KHOMSAN
Editor
norfaezah@upm.edu.my

Sidang Pengarang

Penaung
Haslina Abu Seman @ Talib

Penasihat
Roslan Ariffin

Ketua Editor
Nazibah Kamaruddin

Editor
Norfaezah Khomsan
Mohd Dasuki Sahak
Hazlindah Basiron
Nursyafinaz Mohd Noh

Penulis
Staf PSAS

Jurufoto
Mohd Izarudin Idris

Pereka Grafik
Suzaini Mohamad Kasim

Pengedaran
Nur Farhana Abdullah

Isi Kandungan

BERITA UTAMA			
Program Pendidikan Yayasan Bank Rakyat Bersama UPM 2022	3	Wawancara Bersama Dr. Norhaily Binti Abdul Halim, Graduan Phd Siswazah Pentadbiran Pendidikan UPM	17
BERITA			
Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022	4	Hebatnya Sedekah 'Tangan yang Memberi Lebih Baik Dari Yang Menerima'	18
Wacana Minda Ketua Pustakawan	4	Tanah Yang MERDEKA	18
Sambutan Hari Arkib Peringkat UPM	5	AKTIVITI JK PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)	
Sambutan Hari Kemerdekaan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan EKSA PSAS 2022	6	Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) mantapkan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)	19
Catatan Pembangunan Arkib UPM	7	Latihan Kebakaran (Fire Drill) di Perpustakaan Sultan Abdul Samad	19
AKTIVITI PERPUSTAKAAN			
Pameran Lukisan Batik Canting 2 Generasi	8	AKTIVITI JK MEDIA SOSIAL	
Program E-Resources Awareness : Your FYP Preparation 2022	9	Penyertaan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang	20
Library Seminar on Publication : A Scopus Workshop for Young Lecturers at UPM	9	Terjah Patriotik 2022	20
Top 5 High Research Output Awards	10	Tandatanganan Merdeka	20
		Pertandingan Video TikTok Merdeka 2022	20
KOLEKSI PERPUSTAKAAN			
UPM e-Theses	10	AKTIVITI KELAB PSAS	
PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN			
Penggunaan Sistem Barrier Gate di Perpustakaan Cawangan Kampus Utama, Universiti Putra Malaysia	11	Program Bubur Lambuk Lautan Kasih	21
Inovasi Baharu PSAS	12	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PSAS 2022	21
KOLABORASI PERPUSTAKAAN			
Pengawas Pusat Sumber Sekolah Dato' Abdul Razak adakan Lawatan dan Sesi Perkongsian Ilmu di UPM	13	Majlis Makan Malam Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022	21
RENCANA UMUM			
What is Predatory Journal?	14	PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PSAS	
Tools For Selecting The Best Journal To Get Published In	15	Pelajar Latihan Industri	22
Changes at the UPM Medical And Health Sciences Library During Endemic Phase	16	LAWATAN	
		Lawatan Penandaarasan Koleksi Nadir di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA), ISTAC-IIUM	23
		Lawatan Persediaan Akreditasi di Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina	23
		Lawatan ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad	23

Staf Baharu dan Bersara

Staf Bersara :



Encik Muzaffar Shah Kassim
Ketua Pustakawan (VU7)
Tarikh bersara: 14 Ogos 2022



Encik Othman Sulaiman
Pembantu Operasi (N11)
Tarikh bersara: 6 Oktober 2022

MyLibrary (bilangan 26)



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Sila hantar sumbangan idea dan inspirasi kreatif anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
Bahagian Korporat dan Latihan Staf
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.

Tel.: 03-97698445 / 8440
Faks: 03-97694773



Lawatan ke SIR Corner oleh tetamu kehormat

Program Pendidikan Yayasan Bank Rakyat Bersama UPM 2022

Serdang, 7 Oktober – Yayasan Bank Rakyat (YBR) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Program Pendidikan Yayasan Bank Rakyat Bersama UPM 2022 di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS). Program ini bertujuan untuk menyerahkan Bantuan Awal Pengajian (BAP) 2022 sebanyak RM100,000.00 kepada 100 orang pelajar UPM dan pelancaran Projek Khidmat Komuniti YBR iaitu Serambi Ilmu Rakyat (SIR) Corner.

Program ini telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah YBR, YBhg. Datuk Dr. Haji Abd Rahman Bakri dan Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman serta Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, pegawai dan pelajar UPM.

Pemberian BAP merupakan sumbangan secara *one off* sebanyak RM1,000.00 seorang kepada 100 orang pelajar UPM daripada keluarga yang kurang berkemampuan seperti kriteria yang ditetapkan oleh pihak YBR. YH.

Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman juga berkata, sumbangan BAP kepada pelajar UPM akan dapat mengurangkan sedikit beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa dan pelajar sebelum mendapat mana-mana bantuan dalam meneruskan pengajian mereka di UPM.

Manakala, SIR Corner merupakan Projek Khidmat Komuniti (CSR) YBR dalam bentuk Perpustakaan Digital Bank Rakyat yang berkonsepkan 80% digital dan 20% fizikal. Lebih 100 ribu koleksi digital boleh diakses melalui tujuh pangkalan data yang merangkumi subjek seperti perniagaan, ekonomi, kewangan dan lain-lain serta bacaan umum. Set fizikal SIR Corner berupa dua unit komputer dan satu set perabot telah diserahkan kepada PSAS bagi memberi keselesaan dan memudahkan pengguna mengakses pangkalan data di SIR Corner.

Dalam ucapan aluan YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman memaklumkan

bahawa sumbangan SIR Corner akan menjadi sebahagian daripada sumber maklumat yang amat bermakna kepada warga UPM dan akan meningkatkan lagi statistik kunjungan maya Perpustakaan UPM.

YBhg. Datuk Dr. Haji Abd Rahman Bakri pula dalam ucapan perasmian beliau menjelaskan UPM merupakan antara 18 Institut Pengajian Tinggi terpilih di seluruh Malaysia untuk menerima sumbangan SIR Corner yang membabitkan peruntukan sebanyak RM270,000.00. Beliau turut menegaskan bahawa selain SIR Corner dan sumbangan BAP, pihak YBR juga sentiasa bersedia menawarkan sumbangan khas kepada pihak UPM jika terdapat kes-kes kecemasan yang melibatkan kebajikan pelajar.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Rusniah Sayuti (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan)



Ahli Lembaga Pemegang Amanah YBR, YBhg. Datuk Dr. Haji Abd Rahman Bakri menyampaikan ucapan dan merasmikan pelancaran "SIR Corner" dan pemberian Bantuan Awal Pengajian (BAP) 2022

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menyampaikan ucapan aluan

Tetamu kehormat bersama penerima BAP 2022



Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022

Port Dickson, 6 & 7 Ogos - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menganjurkan Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022 bertempat di D'Wharf Hotel & Serviced Residence, Port Dickson. Kursus ini telah disertai oleh 86 staf PSAS yang terdiri daripada pegawai pengurusan dan profesional serta pegawai pelaksana.

Tujuan kursus ini diadakan ialah untuk menerapkan kefahaman dalam kalangan pegawai mengenai kepentingan kerja berpasukan, melatih komunikasi berkesan dan meningkatkan motivasi bekerja.

Slot Kemahiran Kepimpinan dan Interaksi Interpersonal yang telah dikendalikan oleh Encik Syed Faizal Sitheek Rahman dari Cute Carry Sdn Bhd. Penceramah telah menekankan secara praktikal dan santai

teknik bagi membentuk ciri-ciri kepimpinan dalam diri setiap peserta. Beliau juga telah memberi penekanan dari aspek kepimpinan dengan berorientasikan dunia sebenar. Aktiviti diteruskan dengan sesi *outdoor* yang memerlukan kecerdasan IQ dan kerja berpasukan yang berkesan.

Aktiviti diteruskan dengan sesi makan malam bertemakan "Aloha" telah berlangsung dengan meriah dengan pelbagai cabutan bertuah dan sesi pertukaran hadiah antara staf. Melalui sesi malam ini ukhuwah dan silaturahim antara staf dan ahli keluarga dapat dieeratkan.

Kursus diteruskan pada hari terakhir dengan sesi senamrobik di sebelah pagi dan diikuti Taklimat dari Ketua Pustakawan berkaitan *Smart, Technologically Advanced and Relevant (STAR) Library*. Melalui ucapan

Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim, beliau menyeru warga PSAS agar cakna dan sentiasa bersedia bagi menyahut kepantasan perubahan teknologi dan memastikan perkhidmatan perpustakaan bergerak selari dengan keperluan pengguna.

Secara ringkasnya, program selama 2 hari 1 malam di D'Wharf Hotel & Serviced Residence, Port Dickson ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan dengan kerjasama dan komitmen tinggi daripada staf PSAS. Semoga dengan motivasi dan kesepaduan ini akan dapat membawa PSAS terus cemerlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada warga UPM khususnya.

Oleh : Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf) dan Nazibah Kamaruddin (Ketua, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



Aktiviti membentuk kepimpinan dan kerja berpasukan berkesan



Wacana Minda Ketua Pustakawan



Wacana Minda Ketua Pustakawan perkongsian pengalaman Ketua Pustakawan sepanjang berkhidmat di UPM

Serdang, 12 Ogos - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menganjurkan program Wacana Minda Ketua Pustakawan sempena persaraan Ketua Pustakawan UPM, Encik Muzaffar Shah Kassim. Seramai 98 orang warga PSAS yang telah hadir dan mendengar perkongsian dari Encik Muzaffar Shah Kassim berdasarkan pengalaman sepanjang karier beliau di UPM. Beliau telah berkongsi pembangunan perkhidmatan Perpustakaan dalam mendokong aspirasi universiti selama hampir empat dekad berkhidmat di UPM.

Program diakhiri dengan sesi ramah mesra dan penyampaian cenderahati dari Kelab PSAS. Warga PSAS mendoakan kesihatan dan kesejahteraan Encik Muzaffar Shah Kassim, jasmamu akan terus disanjung.

*Ayam rintik di pinggir hutan.
Nampak dari tepi telaga.
Budi yang baik jadi ingatan.
Seribu tahun terkenang juga.*

Oleh : Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf, PSAS)

Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UPM



Perkongsian menarik Sesi Bicara Pakar dari Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Perancangan dan Pengurusan Arkib Negara Malaysia, Tuan Haji Zaidin Mohd Noor



Lawatan ke Pameran #ArchivesAreYou



Sesi amali peserta Bengkel Membaiki Buku Rosak di Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan, PSAS

Serdang, 27 Jun - Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah meraikan sambutan Hari Arkib Antarabangsa pada 11 Mei hingga 24 Jun 2022 bertemakan #ArchivesAreYou dengan pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan.

Majlis perasmian Hari Arkib Antarabangsa yang disempurnakan oleh Ketua Pustakawan UPM, Encik Muzaffar Shah Kassim pada 13hb Jun 2022 telah berlangsung dengan meriah. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib. Majlis perasmian turut diserikan dengan sesi Bicara Pakar: Pulau Batu Puteh dari Sudut Pandang Pengurusan Rekod yang telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Perancangan dan Pengurusan Arkib Negara Malaysia, Tuan Haji Zaidin Mohd Noor. Melalui perkongsian beliau, rekod-rekod yang mempunyai nilai-nilai pentadbiran, perundangan, kewangan, penyelidikan, sejarah dan kebangsaan perlu dinilai sama ada perlu disimpan sementara atau kekal di Arkib Negara Malaysia. Proses penilaian rekod ini adalah penting bagi memastikan rekod yang bernilai dapat dipelihara dan menjadi sumber rujukan penyelidik semasa dan masa hadapan. Bersempena dengan majlis perasmian tersebut, portal Putra Archives telah dilancarkan bagi memudahkan akses pencarian kepada bahan-bahan di Arkib UPM. Majlis turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Penulisan Esei. Pemenang pertama ialah Puan Norhafizah Abdul Latif, pemenang kedua Puan Nurmala Bt Samin dan pemenang ketiga Puan Nabila Huda Bt Pa'su. Sebelum bersurai, para tetamu telah melawat ke pameran bertemakan #ArchivesAreYou di Ruang Legar Aras 1, PSAS.

Seramai 541 orang peserta telah hadir secara fizikal dan maya di dalam talian sepanjang sambutan Hari Arkib Antarabangsa. Antara

aktiviti yang dijalankan ialah Tayangan Wayang Pacak, Hari Konsultasi, Kempen Derma Bahan, Kempen Kesedaran Pengurusan Rekod, Uji Pengetahuan Trivia Sejarah Anda, Taklimat Pelupusan Rekod dan Bengkel Membaiki Buku Rosak.

Tayangan Wayang Pacak telah menayangkan filem Sarjan Hassan, Bukit Kepong dan Zaleha Ayam Patah. Dua filem ini telah berjaya mendapat sambutan dari kalangan pelajar dan staf UPM. Melalui tayangan ini, peserta dapat mengimbuai kembali kenangan menonton wayang pacak dan memperoleh semangat dan nilai patriotisme yang tinggi melalui tontonan filem bersejarah. Manakala, bagi Bengkel Membaiki Buku Rosak yang diadakan pada 15hb Jun 2022 juga telah mendapat sambutan bukan sahaja dari warga UPM malahan dari organisasi luar seperti Bank Negara Malaysia dan Universiti Selangor (UNISEL). Peserta bengkel yang dibimbing oleh fasilitator berkemahiran telah didedahkan dengan teori dan latihan amali bagi teknik membaiki buku rosak.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Hari Arkib Antarabangsa UPM, Puan Salmah Abdullah sambutan Hari Arkib Antarabangsa yang julung kalinya diadakan ini telah mencapai objektif yang diharapkan iaitu menonjolkan kepelbagaian bahan arkib dan meningkatkan keterlihatan peranan arkib secara meluas. Diharap program seumpama ini dapat dilaksanakan secara berterusan sebagai inisiatif perpustakaan selaku penyedia maklumat terkini kepada warga universiti dan umum.

Oleh: Norhazura Hamzah (Pustakawan Kanan, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan), Salmah Abdullah (Ketua, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan) dan Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

Sambutan Hari Kemerdekaan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan EKSA PSAS 2022

Serdang, 6 Sept - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menganjurkan Program Bicara Kemerdekaan dengan mengangkat tema sambutan Hari Kebangsaan ke-65 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' berlangsung secara meriah bertempat di Bilik Termasa PSAS.

Penceramah jemputan, Ketua Seksyen Perkhidmatan Intervensi, Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UPM, Puan Siti Fatimah Abdul Ghani atau lebih mesra dengan sapaan Puan CTF telah mengendalikan sesi bicara selama 2 jam. Melalui pendekatan komunikasi dua hala dan kerjasama kumpulan, beliau telah memberi inspirasi kepada para peserta untuk sentiasa fokus dalam mencapai matlamat di dalam kerjaya mahupun kehidupan. Peserta dibimbing untuk mengenali potensi diri yang akan menyumbang kepada keteguhan dan kebersamaan sebagai keluarga di PSAS. Seramai 69 orang peserta telah hadir dan beroleh manfaat daripada program ini.

Majlis diteruskan dengan ucapan kemerdekaan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Perkhidmatan) yang menjalankan tugas Ketua Pustakawan, Cik Haslina Abu Seman@Talib. Melalui ucapannya, beliau menyeru agar kita tidak lalai dan leka dengan kemerdekaan yang telah dicapai. Beliau menyarankan agar kita mempertahankan kemerdekaan

ini melalui ilmu pengetahuan dan semangat nasionalisme yang tinggi untuk membangunkan negara seiring dengan hasrat UPM "Sederap Melangkah Menuju AI-Falah".

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah Pertandingan EKSA PSAS 2022. Bagi kategori zon terbaik telah dirangkul oleh Zon Raja Muda Musa, manakala Sudut Informasi Terbaik dimenangi oleh Zon Raja Lumu. Manakala, bagi Sudut Go Green Terbaik telah dimenangi oleh Zon Raja Sulaiman. Pengiktirafan juga diberikan kepada Pemenang Ruang Kerja Terbaik, Encik Khoirul Asrimin Md. Nor dan Pemenang Bilik Terbaik, Puan Zuhaini Abdul Samad. Kemeriahan diteruskan dengan acara kemuncak iaitu penyampaian hadiah Pemenang Pertandingan Tiktok Merdeka PSAS dengan kejuaraan dirangkul oleh Zon Raja Muda Musa. Manakala Zon Raja Ibrahim dan Puan Nuraida Ibrahim di tempat kedua dan ketiga. Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Cik Haslina Abu Seman@Talib dan majlis diakhiri dengan sesi bergambar bersama para peserta.

Oleh : Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf) dan Nazibah Kamaruddin (Ketua, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Perkhidmatan), Cik Haslina Abu Seman@Talib menyampaikan ucapan kemerdekaan



Penceramah menyampaikan perkongsian motivasi yang menarik



Juara Pertandingan Tiktok Merdeka dirangkul oleh Zon Raja Muda Musa



Penyampaian anugerah Zon Terbaik EKSA kepada Ketua Zon Raja Muda Musa



Pemenang bagi Sudut Informasi Terbaik EKSA 2022 oleh Zon Raja Lumu



Gambar berkumpulan peserta Program Bicara Kemerdekaan Keluarga Malaysia Teguh Bersama



Penyerahan cenderahati kepada wakil NSTP Resource Centre



Lawatan ke Galeri Prima




Latihan menyelenggara bahan media di Seksyen Arkib Pandang Dengar



Latihan pemeliharaan bahan di Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi



Bergambar bersama staf Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi



Bergambar bersama staf Seksyen Arkib Pandang Dengar



Lawatan ke Galeri Tun Abdul Razak



Bergambar bersama staf di Jabatan Arkib UiTM



Bergambar bersama para Pegawai Arkib Negara



Bergambar bersama Jawatankuasa Sejarah Lisan Perpustakaan Universiti Malaya

Catatan Pembangunan Arkib UPM

Seksyen Arkib dan Pemuliharaan telah memainkan peranannya untuk memastikan khazanah yang mempunyai nilai dan sejarah yang berkaitan dengan universiti disimpan bagi tujuan rujukan dan penyelidikan masa hadapan. Bagi membangunkan Dasar Arkib Universiti Putra Malaysia, perancangan dan penstrukturan Seksyen Arkib telah dilaksanakan. Justeru, beberapa siri lawatan dan latihan telah dijalankan untuk memperkukuhkan pemahaman mengenai pengurusan arkib.

Pada 10 November 2021, 8 orang pegawai Seksyen Arkib dan Pemuliharaan telah membuat Lawatan Penandaarasan ke Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM. Ketua Unit Perkhidmatan Arkib, En. Abdul Razak Bin Abdul Rahman telah memberikan penerangan mengenai pengurusan Jabatan Arkib UiTM dengan terperinci. Para peserta turut dibawa melawat ke gedung rekod, ruang penyimpanan gambar serta ruang kerja staf untuk memperlihatkan secara jelas kerja-kerja yang dijalankan. Di akhir lawatan, peserta turut dibawa melawat Galeri Tun Abdul Razak yang terletak di Menara UiTM.

NSTP Resource Centre, Kuala Lumpur telah menjadi lokasi lawatan seterusnya bagi memfokuskan amalan terbaik dalam pengurusan surat khabar yang berbentuk fizikal dan digital. Puan Shamsul Niza Haji Shamsuddin Penolong Pengurus, Digital Sales Klik Media Prima Omnia telah memberikan perkongsian tatacara penggunaan bahan media dan kuasa hakcipta dalam lawatan ini.

Peserta lawatan turut dibawa melawat sekitar NSTP Resource Centre dan Galeri Prima.

Selain sesi lawatan, pegawai di Seksyen Arkib dan Pemuliharaan telah turut menghadiri Latihan Pengurusan Arkib di Arkib Negara Malaysia (ANM) bermula 29 November hingga 3 Disember 2021. Peserta terdiri daripada 5 orang staf iaitu Puan Salmah Abdullah, Cik Norhazura Hamzah, Puan Nurull Hidayah Md Tohit, En. Mohd Fahmi Sabrawi dan Puan Siti Mulyani. Peserta telah ditempatkan di Bahagian Pengurusan Arkib, ANM yang meliputi latihan daripada Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi dan Seksyen Arkib Digital. Setiap seksyen menjalankan peranan yang berbeza dan spesifik demi memastikan kualiti bahan dapat dipelihara dengan baik. Dapatan daripada latihan ini, setiap bahan arkib perlu melalui proses pewasapan (fumigation) sebaik sahaja bahan diterima. Manakala, koleksi gambar perlu disimpan menggunakan sampul bebas asid untuk memastikan gambar dapat disimpan dalam tempoh yang lama. Bagi bahan media seperti reels, Video Home System (VHS) dan pita video, bahan-bahan ini perlu diselenggara secara berkala untuk memastikan tiada pertumbuhan kulat di atas pita tersebut. Bagi bahan arkib digital, simpanan bahan perlu menyediakan backup file untuk mengelakkan daripada bahan tersebut rosak (data corruption) atau outdated version. Kesimpulannya, latihan ini amat bertepatan dan bersesuaian dengan keperluan Seksyen Arkib dan Pemuliharaan untuk menjalankan fungsi sebagai arkib.

Catatan pembangunan arkib diteruskan dengan mendapatkan Khidmat Konsultasi Pengurusan Rekod bertempat di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM pada 27 April 2022. Seramai 5 orang Pegawai Arkib iaitu Tuan Haji Mohd Nasser Malim, Puan Maimunah Osman, Puan Raabiatul Adawiyah Mat Tari, Puan Siti Kamaliah Madil dan Encik Muhammad Amin Mohd Razali telah memberikan konsultasi pematuhan piawaian Arkib Negara Malaysia. Khidmat konsultasi ini telah berlangsung selama 3 jam dan Laporan Khidmat Konsultansi Pengurusan Rekod di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia telah diserahkan pada 5 Jun 2022.

Terkini, Seksyen Arkib dan Pemuliharaan telah mengadakan Lawatan Penandaarasan Sejarah Lisan ke Perpustakaan Universiti Malaya pada 4 Oktober 2022. Seramai 6 orang staf telah menyertai lawatan ini yang diketuai oleh Puan Salmah Abdullah. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan informasi serta berkongsi pengalaman mengenai sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Perpustakaan Universiti Malaya. Puan Zanaria Saupi Udin, Timbalan Ketua Pustakawan memulakan perkongsian ini dengan pembentangan mengenai mencari orang/sumber sejarah, pelaksanaan wawancara dan diakhiri dengan penulisan transkrip sejarah lisan sebagai produk akhir. Sesi lawatan berakhir dengan lawatan sekitar Arkib Universiti Malaya.

Oleh : Norhazura Hamzah (Pustakawan Kanan, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan)



Pameran Lukisan Batik Canting 2 Generasi

Serdang, 4 Julai - Pameran Lukisan Batik Canting 2 Generasi merupakan program anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Pusat Perhubungan Alumni (PPA) dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM.

Pameran diadakan di Anjung Ilmu, Blok B PSAS mulai 9 Jun hingga 2 Julai 2022 dan telah dirasmikan oleh Pendaftar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Encik Muhazam Mansor. Dalam ucapan perasmian, Encik Muhazam berharap, program pameran batik canting ini

mampu menyampaikan ilmu mengenai batik canting kepada masyarakat dalam dan luar UPM di samping memperkenalkan seni kraf serta budaya warisan Malaysia kepada pelajar antarabangsa UPM.

Pameran ini mempersembahkan hasil karya daripada dua generasi dalam keluarga Encik Mohd Isnain Ali, isterinya Puan Galinda Kamaruzaman dan anak mereka Encik Muhd Alif Akram. Mohd Isnain Ali berkata, pameran lukisan batik canting ini adalah kesinambungan pameran terdahulu iaitu 2 Jiwa 1 Rasa Siri 1 dan 2 yang pernah diadakan di PSAS pada tahun 1996.

Sebanyak 30 lukisan batik canting telah dipamerkan di ruang bacaan Anjung Ilmu untuk dihayati oleh warga UPM dan orang awam. Selain dipamerkan, lukisan batik ini dibuka untuk jualan kepada sesiapa yang berminat. Hasil jualan akan disalurkan kepada pihak PPA bagi tujuan untuk pembiayaan biasiswa kepada pelajar asnaf UPM.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan), Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf), Nazibah Kamaruddin (Ketua, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



Ucapan oleh pencanting batik UPM iaitu Encik Mohd Isnain Ali dengan diiringi oleh Puan Galinda Kamaruzaman dan Encik Muhd Alif Akram



Ucapan perasmian oleh Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM) Encik Muhazam Mansor



Para tetamu melawat tapak pameran



AKTIVITI PERPUSTAKAAN



e-Resources Awareness Programme: Your FYP Preparation

8 - 16 Ogos/August 2022
8.30 AM – 4.00 PM

MERIT DISEDIKAN
MERIT WILL BE PROVIDED

Anjuran / Organised by: Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia
Dengan kerjasama / In collaboration with: Majlis Perwakilan Pelajar UPM

8-15 Ogos 2022
(Bahasa Pengantar: Bahasa Melayu)
16 Ogos 2022
(Bahasa pengantar: Bahasa Inggeris)

8th -15th August 2022
(Language of delivery: Malay Language)
16th August 2022
(Language of delivery: English Language)

Platform Kelas / Class Platform:
Aplikasi Zoom / Zoom Application

Pautan Pendaftaran / Registration Link:
<https://linktr.ee/psas2022>

Hadiah Istimewa dan Sijil Penyertaan disediakan
Participation Certificate will be given and stand a chance to win Amazing Prizes (Kahoot Quiz)

Serdang, 20 Ogos - Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM telah menganjurkan Program *e-Resources Awareness: Your FYP Preparation* secara dalam talian melalui aplikasi Zoom bermula 8 hingga 16 Ogos 2022. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk membantu peserta mendapatkan maklumat secara efektif sebagai persediaan menyiapkan Final Year Project kepada pelajar prasiswazah UPM terutamanya pelajar tahun akhir.

Sebanyak 20 kelas dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu manakala 1 kelas dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Kandungan modul adalah Strategi Pencarian Maklumat, Turnitin dan Mendeley: Asas. Sebanyak 21 hadiah telah disediakan kepada pemenang-pemenang kuiz Kahoot. Program telah dikendalikan oleh 5 orang

Pustakawan dari Bahagian Rujukan dan 4 orang Pustakawan dari Perpustakaan Cawangan. Ia turut dibantu oleh wakil pelajar dari MPP yang bertindak sebagai moderator.

Jumlah kehadiran peserta program adalah seramai 1,654 orang pelajar prasiswazah termasuk seorang pegawai akademik. Berdasarkan maklum balas peserta daripada program ini, pihak Perpustakaan perlu mempergiatkan lagi promosi pangkalan data langganan UPM terutamanya kepada pelajar prasiswazah bagi dapat mengoptimumkan penggunaannya sepanjang pengajian mereka di UPM.

Oleh: Najah Mohd Ali (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan), Rusniah Sayuti (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan) dan Roslan Ariffin (Ketua, Bahagian Rujukan)



ELSEVIER

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

MILE 50th ANNIVERSARY

A Scopus Workshop For Young Lecturers At UPM

28th September

1100hrs – 1200hrs

Agenda

- 01 How To Increase An Author's H-Index
- 02 How To Increase Citations On Scopus
- 03 How to choose the best journals to be published in Scopus
- 04 New Scopus Features

Register Now
<https://bit.ly/3RhNolU>

#UPMMembaca

Serdang, Sept 28 – Perpustakaan Sultan Abdul Samad, (PSAS) in collaboration with Elsevier organized a Library Seminar on Publication entitled “A Scopus Workshop for Young Lecturers at UPM”. The seminar was conducted to guide the participants on how to increase an Author’s H-index, and citations on Scopus, as well as to choose the best journals to be published in. During the webinar, the participants were also able to experience the latest features available on Scopus platform.

The webinar was conducted for an hour through the Zoom Meeting application and was attended by 124 participants including UPM lecturers, students, researchers and staff. Mr. Nicholas Pak, Senior Customer Consultant of Elsevier Singapore, had successfully delivered a very interesting and informative session to the participants. It is hoped that this webinar could help the new and young researcher in choosing the right journals to publish their articles in and thus increase their H-index.

The H-index score is a standard scholarly metric in which the number of published papers, and the number of times their author is cited, is put into relation. The formula is based on the number of papers (H) that

have been cited, and how often, compared to those that have not been cited (or cited as much).

There are 7 key questions to consider in evaluating a journal, which includes;

1. Is the manuscript the right fit for the journal?
2. Are there any funder/institution mandates to consider?
3. Is the journal visible in the communities you want to reach?
4. Is there a reasonable chance of acceptance?
5. Is the journal indexed in all the relevant databases?
6. What do the journal metrics reveal?
7. Is the journal reputable, including practicing robust peer review?

Scopus contains intuitive tools and trusted data to help researchers to track progress, evaluate and reflect their research activities. Scopus uniquely combines a comprehensive, curated abstract and citation database with enriched data and linked scholarly contents.

By: Liza Ab Llah (Senior Librarian, Research and Information Services Division)

Top 5 High Research Output Awards



The award certificate and crystal trophy presented to UPM

Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully secured 5th place in Malaysia High Research Output Award 2022 with total 45 research outputs (journals and books) from 57 authors in 2021. The award was presented to the library by Mr Wan Yat Seng, Business Manager of Emerald Publishing, Malaysia.

Emerald publishing is one of the renowned scholarly publishers with various high impact journals as well as quality books in the fields of management, business, education, library studies, health care, and engineering. Through its initiatives, this High Research Output Awards is given each year to the top five institutions in Malaysia that have the highest number of publications in the Emerald Insight platform.

It is hoped that this award will enhance motivation among the UPM community while continue flourishing impactful research. Congratulations, UPM!

By: Nursyafinaz Mohd Noh (Senior Librarian, Serials Division)



KOLEKSI PERPUSTAKAAN

UPM eTheses

Portal UPM eTheses boleh diakses melalui intranet di UPM Kampus Serdang dan Bintulu.

UPM eTheses mengandungi salinan elektronik teks penuh tesis dan disertasi pelajar pasca siswazah Universiti Putra Malaysia. Bahan dalam portal tersedia untuk dilayari, dicari atau dibaca oleh sesiapa sahaja yang berminat dengan kandungannya. Sebarang penggunaan maklumat yang terkandung dalam portal ini mestilah mengikut Akta Hak Cipta 1987 dan perundangan berkaitan atau pengganti dan mesti diakui dengan betul. Pengedaran atau pengeluaran semula selanjutnya dalam sebarang format adalah dilarang tanpa kebenaran pemegang hak cipta.

Oleh: Emelda Mohd Hamid (Pustakawan Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)

10 Tesis dan Disertasi yang paling banyak dimuat turun di UPM IR Tahun 2021



Statistik UPM 2015 - 2021 eTHESES

Tahun:	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Jumlah Koleksi:	7091	7923	8776	9533	13,246	14,247	15,444



Penggunaan Sistem Barrier Gate di Perpustakaan Cawangan Kampus Utama, Universiti Putra Malaysia

Pada tahun ini, penggunaan sistem *barrier gate* diperluaskan kepada perpustakaan cawangan kampus utama, Universiti Putra Malaysia iaitu di Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan & Seni Bina. Hingga kini, 5 unit *barrier gate* telah dipasang dan diguna pakai, termasuk 2 unit di Perpustakaan Utama mula tahun 2019.

Sistem yang berfungsi dengan mengimbas kod QR warga UPM menggunakan aplikasi PutraVID ini akan membuat pengesahan identiti melalui rujukan maklumat profil dalam pangkalan data sistem UPM-ID sebelum dibenarkan untuk memasuki Perpustakaan. Antara manfaat sistem *barrier gate* ini ialah:

- Memudahkan penjaan statistik kunjungan pengguna ke Perpustakaan.
- Memastikan hanya pengguna berdaftar sahaja yang dibenarkan menggunakan Perpustakaan.
- Mengelakkan daripada penipuan dan penyalahgunaan kad maya berkenaan.

Sehubungan dengan itu, semua warga UPM perlu mengaktifkan PutraVID masing-masing dengan memuat turun aplikasi tersebut melalui Google Play dan Apps Store atau dengan melayari portal <http://mobile.upm.edu.my>.

Oleh: Khairul Anwar Zulkifli (Pustakawan, Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat)



Barrier Gate di Perpustakaan Kejuruteraan Seni Bina



Barrier Gate di Perpustakaan Perubatan Sains Kesihatan



Barrier Gate di Perpustakaan Perubatan Veterinar

Inovasi Baharu PSAS

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah memperkenalkan 3 jenis perkhidmatan baharu pada tahun 2022 iaitu **Book Drive-Thru**, **Book Delivery** dan **Book Pick-Up**. Antara kelebihan perkhidmatan ini ialah pengguna boleh menjimatkan masa kerana proses pencarian buku di rak sehingga proses pinjaman bahan dilakukan sepenuhnya oleh staf perpustakaan. Pengguna boleh membuat permohonan melalui KOHA WebOPAC dan akan dihubungi dalam tempoh 2 hari bekerja.

Oleh : Noor Syafini Zamani (Pustakawan Kanan, Bahagian Perkhidmatan Pengguna) dan Morni Yati Ibrahim (Ketua, Bahagian Perkhidmatan Pengguna)

Drive-Thru @PSAS
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

Operation Hours
Monday - Thursday : 9.30 AM - 6.00 PM
Friday : 9.30 AM - 12.00 PM & 3.00PM - 6.00 PM

Scan the QR Code to view terms and guide on How To Request Drive-Thru Service

Any questions or further information regarding Drive-Thru, Please call 03 9769 8635 or email to psasrequest@upm.edu.my

- 01 Browse the book you wish to borrow via KOHA WebOPAC www.elib.upm.edu.my
- 02 Log in to your Library Patron Account and ADD your preferred book to CART
Limited to OPEN SHELVES BOOK in MAIN LIBRARY Collection Only
- 03 a) Fill up the Requestor Detail
b) Choose Drive-Thru from Cart drop down menu
c) Click SENT
Request is processed within 2 working days
- 04 Pick up your book at Post Graduate Wing Counter (Ground Floor, Block B)
User will be notified via email for successful / unsuccessful request

Pengguna boleh mengambil buku yang telah ditempah secara pandu lalu di Kaunter Anjung Siswazah.

Book Delivery SERVICE
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

Scan the QR Code to view terms and steps to request Book Delivery Service

For further information regarding Book Delivery Service, please call 03 9769 8635 or email to psasrequest@upm.edu.my

- 1 Browse and place request for the book you wish to borrow via KOHA WebOPAC www.elib.upm.edu.my
Limited to OPEN SHELVES BOOK in MAIN LIBRARY Collection Only
- 2 Users will be notified via email for successful / unsuccessful request
Request is processed within 2 working days
- 3 Book delivery through e-Hailing service
Charges to be borne by the requestor

Buku yang ditempah akan dihantar ke lokasi pengguna menggunakan perkhidmatan e-hailing seperti Lalamove dan Grab. Kos e-hailing akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon dan masa permohonan penghantaran buku terhadap waktu pejabat sahaja.

Perkhidmatan Book Pick-Up @ PSAS

Pengguna boleh mengambil buku yang ditempah di loker khas yang ditempatkan di hadapan pintu Anjung Siswazah. Loker ini dikenali sebagai Books For You (B4U@Library). Kelebihan perkhidmatan Book Pick-Up berbanding Drive - Thru dan Book Delivery adalah pengguna boleh mengambil buku di luar waktu perkhidmatan perpustakaan tanpa sempadan waktu (24/7).

Pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) berharap melalui perkhidmatan ini, akan dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan perpustakaan dan membantu mempertingkatkan lagi statistik peminjaman buku di kalangan warga kampus UPM. Pertanyaan lanjut, sila hubungi talian berikut 03-9769 8635 atau emel kepada psasrequest@upm.edu.my.

Scan QR Code berikut untuk mendapatkan maklumat terma & syarat serta cara membuat permohonan Book Drive-Thru, Book Delivery dan Book Pick-Up.



Pengawas Pusat Sumber Sekolah Dato' Abdul Razak adakan Lawatan dan Sesi Perkongsian Ilmu di UPM

Serdang, 14 Julai - Seramai 30 orang pelajar Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban yang terdiri daripada Pengawas Pusat Sumber (PPS) dan wakil pelajar setiap tingkatan beserta 4 orang guru telah mengadakan lawatan dan sesi perkongsian ilmu ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketibaan delegasi lawatan disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Cik Haslina Abu Seman @ Talib dengan diiringi oleh pegawai-pegawai PSAS. Lawatan ini diadakan sempena program Pengembangan (Jaringan Komuniti) oleh pihak PSAS di bawah kluster "Komuniti Setempat" yang merangkumi aktiviti Kempen Dekad Membaca Kebangsaan. Ia selaras dengan Aspirasi Naib Canselor, UPM pada tahun 2022 untuk memperkukuh jaringan industri dan masyarakat melalui aktiviti pengembangan ilmu.

Semasa sesi perkongsian ilmu para pelajar telah diberi tunjuk ajar mengenai tatacara pengkatalogan bahan, penggunaan katalog perpustakaan (webopac) dan strategi pencarian maklumat. Program disusuli dengan lawatan berpandu bagi memperkenalkan pelajar mengenai kemudahan, koleksi dan perkhidmatan yang terdapat di PSAS. Secara khususnya, program ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan PPS mengenai pengurusan pusat sumber sekolah dan literasi maklumat.

Di akhir program, pelajar dibawa melawat ke Muzium Anatomi Manusia, Fakulti Perubatan Sains UPM untuk memberi pendedahan mengenai maklumat kesihatan dan suasana pembelajaran di Fakulti tersebut.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Azwana Ab Rahman (Ketua, Bahagian Sumber Pertanian Malaysia)



Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Cik Haslina Abu Seman @ Talib menyampaikan ucapan aluan dan merasmikan Program Lawatan dan Sesi Perkongsian Ilmu, Pengawas Pusat Sumber (PPS), Sekolah Dato' Abdul Razak



Pelajar sedang menghadiri Program Sesi Perkongsian Ilmu di Bilik Malawati, PSAS



Pelajar sedang melihat pameran di Muzium Anatomi Manusia di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM.



WHAT IS PREDATORY JOURNAL?

Definition

Predatory journals, often known as fraudulent, deceitful, or pseudo-journals, are periodicals that falsely advertise themselves as reputable scholarly journals and engage in unethical publishing activities.

Tips to identify predatory journal

1. Take a good look at their website

Always check the website thoroughly. Often a tell-tale sign of a predatory journal is the mistakes in both spelling and grammar on their website. Their published articles often contain poorly copy-edited and numerous typographical or grammatical errors. In addition, such errors can be found on the journal's website, which also commonly include broken links. Poor use of language shows a low professional standard.

2. Clarify the journal name

The journal name cannot be confused with another journal. If you are unable to distinguish from another with a similar name, please avoid it.

3. Verify the journal

The credible journal is indexed in more than one subject database for examples: Scopus, Journal Citation Report, Web of Science, and Google Scholar. Often a good journal is also a member of DOAJ, COPE, OASPA or STM.

4. Check the journal's contact information

The journal's website must provide complete contact information including verifiable address. Avoid journals that give little contact information.

5. Look up the members of the editorial board

The editorial board is listed with their full names and institutional affiliation. To be sure, please contact a few and inquire about their experience with the journal

6. Peer review process and publication schedule

The journal states whether it is peer reviewed/edited and has a review policy listed. Beware of promises of quick peer review as this can be the mark of a publisher who values profit over quality

7. Verify email address

The journal, its editors and staff all have institutional or journal affiliated e-mail address. Avoid non-professional and non-journal affiliated e-mail address such as @gmail.com or @yahoo.com.

8. Author fees

These should be clearly stated and should be charged to authors only after their article has been accepted. A journal that requests an upfront fee at the submission stage, before the article is approved for publication, may be predatory.

What to do if mistakenly submitted to a predatory journal

- Do not make any payments or sign any agreements.
- Request the predatory journal to withdraw the paper immediately
- Seek advice from supervisor and senior researchers.
- If the journal threatens legal action, confidently 'counter-threaten' them.

Free resources to identify predatory journal

- ERA UPM © 2021 : <http://era.upm.edu.my/>
- ThinkCheckSubmit.org : <http://thinkchecksubmit.org/>
- The Directory of Open Access Journals (DOAJ) : <https://doaj.org/>
- The Committee on Publication Ethics (COPE) : <https://publicationethics.org/>
- SCImago Journal Rank : <https://www.scimagojr.com/>
- National Library of Medicine (NLM) Catalog : <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/nlmcatalog/>

Subscription resources to identify predatory journal

- Scopus : <https://www.scopus.com/>
- Title Suppressions in InCites JCR : <https://help.incites.clarivate.com/incitesLiveJCR/JCRGroup/titleSuppressions.html>
- Journal Citation Reports (JCR) : <https://jcr.clarivate.com/>

References:

1. https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/0192623320920209?url_ver=Z39.88-2003&rfr_id=ori:rid:crossref.org&rfr_dat=crpub%20%200pubmed
2. <https://beallslist.net/how-to-recognize-predatory-journals/>
3. <https://publicationethics.org/case/withdrawal-accepted-manuscript-predatory-journal>

By: Siti Noorhaniza Hamdan (Senior Librarian, Research and Information Services Division) and Roziana Shamsuri (Senior Librarian, Research and Information Services Division)


Tools for Selecting The Best Journal to Get Published In

Nowadays, there are thousands of scholarly journals, and many new titles appear each year. For authors, choosing the appropriate journal to publish is as vital as conducting the research. It is more challenging when authors consider the possibility of rejection while submitting a manuscript to an inappropriate journal.

With the advancement of technology, journal finder/journal suggester tools have been developed to assist researcher in choosing and selecting the best journal that fits the scope of their research.

Journal finder/Journal suggester tools can help authors narrow down an infinite list of journals to a short, credible list with some key information about the journals. These are a list of several journal finders developed by a reputable publisher that might be useful for academicians, researchers and students.


By: Khairil Ridzuan Khahirullah (Senior Librarian, Veterinary Medicine Library)



Elsevier Journal Finder

Elsevier® JournalFinder helps you find journals that could be best suited for publishing your scientific article. Enter title and abstract of your paper to easily find relevant journals to be published in.


<https://journalfinder.elsevier.com>



Web of Science Master List

Find relevant, reputable journals for potential publication of your research based on an analysis of tens of millions of citation connections in Web of Science Core Collection using Manuscript Matcher.

<https://mjl.clarivate.com>




Springer Nature Journal Suggester

Journal Suggester uses semantic technology to help you quickly choose a journal that is right for your paper.

Enter your abstract, description of your research, or a sample text and the Springer Nature Journal Suggester provides a list of relevant journals.


<https://journalsuggester.springer.com/>



Wiley Journal Finder

Wiley Journal Finder Beta can suggest Wiley journals that may be relevant for your research. Simply enter your title and abstract and it will create a list of potential journals for you to consider. Wiley recommends reviewing the journal's Aims and Scope before deciding where to submit.

<https://journalfinder.wiley.com>



MDPI Journal Selector

By simply entering the title and/or abstract into the Journal Selector, the author will see a list of the most related scientific journals published by MDPI. This method helps to select the correct journals, highlighting the time of publication and citability.

<https://www.mdpi.com/about/journalselector>

References:
<https://pubrica.com/academy/journal-selection/topmost-research-tools-for-selecting-the-best-journal-for-your-research-article/>

Changes at the UPM Medical And Health Sciences Library During Endemic Phase

Malaysia and the entire world had to adjust and adapt to changes due to the Covid 19 pandemic since the year 2020. The UPM Medical and Health Sciences Library, also cannot escape but to adapt to the situation. Indeed, it was a valuable experience with all the challenges and obstacles that we had to go through from the year 2020 to 2022.

I do believe eventually we will see the end of covid 19, Insyallah (God Willing). Proper adjustment and changes have been executed and enforced as we are moving towards the year 2023. We will try our absolute best to cope with the pressure and negative force that we may encounter along the way.

These are the new adaptations and changes in the library since October 2021 after the direction to reopen the library to users and with the ending of "Work from Home" policy.

Over time, the changes may be altered or replaced depending on the course in the endemic phase (Declared on 1 April 2022).

MAINTAINED DURING PANDEMIC AND ENDEMIC PHASES

- Theses section – Only be opened upon request**
Previously, users were allowed to browse the thesis collection on their own and there was a staff stationed at the section. But now, users need to request the thesis required by showing the call number and title of thesis to the staff at the counter and he/she will assist in retrieving the thesis. Users are not allowed to browse the thesis section on their own. This is due to the small, enclosed area of the thesis section.
- Tables and Chairs Position**
Physical distance of the furniture are maintained at 1 meter

CHANGES DURING ENDEMIC PHASE

- Attending to Users / Discussions / Consultations**
Pandemic - Librarians were not allowed to attend to patrons/ users at their workstations. Such activity was only allowed to be carried out at the library counter. All discussions between librarians and students / lecturers / users must be conducted through the Zoom application as to avoid close contact.
Endemic - Librarians are not encouraged to attend patrons/ users at their workstation but there is an increase in flexibility (Depending on the physical health of librarians or users).
- Closure of Sections in the Library**
Pandemic:
 - Discussion room
 - Training room
 - Reference Sections - Closed**Endemic:**
All sections in the Medic library are opened except theses section
- Discontinuation of Tasks / Routines / Rules in the Endemic Phase**
 - Scanning / updating MySejahtera
 - Checking Body Temperature
 - Face Mask (Effective from 1 May 2022)
 - Gathering of Staff / Users – Allowed but must adhere to the Endemic Guidelines

Below are the statistics on the classes and training request from 2020 till Sept 2022. From the trends, as librarians are allowed to interact personally with users, the request for classes has declined. Users are now able to arrange appointments and meet librarians personally if they require assistance.

CLASSES BASED ON REQUEST (UNSCHEDULED)

BY DEPARTMENTS

- 2020 – 30 classes (zoom)
- 2021 – 14 Classes (Zoom)
- There was a drop in the request for classes as the Ministry of Health had temporarily halted the intake for the Master of Public Health programme
- 2022 (Jan to Sept) – 4 Classes (Zoom)
- Beginning Oct 2022, physical classes (face to face) are allowed. However, there are still requests for zoom classes by requesters.

REQUESTED BY DEPARTMENTS:

- Department of Nutrition
- Department of Dietetic
- Department of Environmental and Occupational Health
- Department of Community Health
- Department of Medical Microbiology

INDIVIDUAL REQUEST: 2021-2022

Approximately 10 personal / individual requested for trainings on Mendeley, Turnitin and Database searching

REQUESTED BY MASTER AND PHD STUDENTS

These are the salient points observed and the changes of the directions and rules applied during pandemic and endemic phases of Covid 19. One of the good things that came due to the limitation as compared to pre pandemic, there is an increase in the communication and interaction between librarians and the Medical and Health Science Faculty staff (Administration and Academicians). Librarians are able to build up rapport with the faculty staff in performing their tasks and responsibilities. This is a good sign as both the library and faculty can communicate well and understand each other. Hence things can be accomplished smoothly as both parties are aware of the services offered and what the library can deliver to its users.

As we are approaching the year 2023, I hope and pray that we are able to change for the better and the Medic library continues to provide its services to the utmost standards and will always remain relevant in UPM.

End of the day, the show must go on. Be proactive and responsible in whatever you do.

By : Akiza Roswati Abdullah (Senior Librarian, Medicine and Health Sciences Library)



Wawancara bersama *Dr. Norhaily Abdul Halim* Graduan PhD Siswazah Pentadbiran Pendidikan UPM

AJK Media Sosial: Assalamualaikum Dr Norhaily. Kami dari Jawatankuasa Media Sosial PSAS ingin menemubual Dr, boleh perkenalkan diri Dr?

Dr Norhaily: Waalaikumussalam wbt. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk ditemubual. Saya Dr Norhaily Abdul Halim, bertugas sebagai Penolong Kokurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Keramat, Gombak, Selangor.

AJK Media Sosial: Apakah cabaran yang dihadapi oleh Dr Norhaily sepanjang bergelar mahasiswi di UPM?

Dr Norhaily: Cabaran yang saya hadapi pertama sekali adalah dari segi pengurusan masa, kerana saya bekerja dan berkeluarga dan saya juga belajar dalam bidang yang berbeza di peringkat Master dan PhD.

AJK Media Sosial: Bagaimana Dr Norhaily membahagikan masa belajar dan bekerja?

Dr Norhaily: Saya mengambil peluang pada waktu cuti hari minggu dan selepas waktu bekerja. Apabila saya selesai bekerja saya akan terus ke perpustakaan untuk membuat kerja PhD saya sehingga perpustakaan tutup dan saya juga akan datang pada hari Sabtu dan Ahad.

AJK Media Sosial: Apakah faktor yang mendorong Dr Norhaily sehingga ke tahap ini?

Dr Norhaily: Faktor utama yang mendorong saya ialah anak-anak yang sedang belajar,

jadi saya ingin membuktikan kepada mereka jika kita berusaha bersungguh-sungguh walaupun laluan sukar, InsyaAllah kita akan berjaya.

AJK Media Sosial: Apakah kenangan manis Dr Norhaily sepanjang berada di UPM?

Dr Norhaily: Kenangan paling manis saya adalah apabila saya berjaya membuat pembentangan di Conference International anjuran UPM. Selain daripada itu, saya sangat gembira kerana dapat membina persahabatan yang baru dengan rakan-rakan baru dari perpustakaan kerana kebanyakan masa saya berada di perpustakaan.

AJK Media Sosial: Apakah peranan perpustakaan dalam membantu pelajaran Dr Norhaily?

Dr Norhaily: Saya rasa Perpustakaan UPM memainkan peranan yang sangat penting kepada graduan kerana bagi diri saya di sinilah tempat saya menyelesaikan kerja-kerja tesis saya kerana perpustakaan telah menyediakan fasiliti yang world class dan sangat bersesuaian untuk para pelajar.

AJK Media Sosial: Bagaimanakah perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan pada pandangan Dr Norhaily?

Dr Norhaily: Sepanjang saya menggunakan perpustakaan, saya mendapati kemudahan dan fasiliti di perpustakaan sangat baik, capaian internet nya baik, lampunya sangat bersesuaian dan aircondnya juga selesa untuk kita belajar. Saya sangat suka belajar

di perpustakaan.

AJK Media Sosial: Apakah favourite spot dalam perpustakaan bagi Dr Norhaily?

Dr Norhaily: Memang saya ada favourite spot, iaitu di Blok A di hadapan surau. Setiap kali saya akan datang awal untuk mendapatkan meja di tempat tersebut.

AJK Media Sosial: Apakah penambahbaikan yang perlu perpustakaan lakukan menurut pandangan Dr Norhaily?

Dr Norhaily: Saya lihat sekarang sudah banyak penambahbaikan yang telah dibuat dan saya rasa semuanya baik. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada perpustakaan kerana telah banyak penambahbaikan yang dilakukan dari semasa ke semasa dan sekarang saya lihat perpustakaan ini sebuah perpustakaan world class.

AJK Media Sosial: Apakah nasihat Dr Norhaily untuk para pelajar UPM?

Dr Norhaily: Buat pelajar-pelajar UPM, saya ingin menasihati supaya kita menjaga hubungan kita dengan Allah, kemudian menjaga hubungan kita dengan ibubapa dan rakan-rakan serta teruslah berusaha dan meletakkan pergantungan kita kepadaNya.

Oleh: Fatimah Zahrah @ Aishah Amran (Ketua, Bahagian Pengurusan Sumber Digital) dan Ainur Aqidah Hamzah (Pembantu Pustakawan, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat)

Hebatnya Sedekah 'Tangan yang Memberi Lebih Baik Dari Yang Menerima'

Rutin harian setiap pagi adalah menguruskan anak-anak untuk ke sekolah dan menghantar ke rumah pengasuh penjaga mereka sebelum bertolak ke pejabat untuk mencari sesuap rezeki bagi menyara keluarga. Setelah urusan anak-anak diselesaikan baru aku akan meneruskan perjalanan ke tempat kerja.

Setibanya aku di tempat kerja baru aku perasan ada dua kali 'missed calls' terpapar di skrin telefon. "Oh, rupanya panggilan dari pengasuh anak, mungkin ada hal yang hendak diberitahu" kataku di dalam hati. Aku terus menghubungi kembali panggilan tersebut namun panggilanku tidak berjawab. Aku cuba memeriksa kembali telefon bimbitku jika ada menerima pesanan. Telahanku ternyata betul apabila aku melihat pesanan ringkas yang dihantar oleh pengasuh anakku memaklumkan aku terlupa menghantar botol susu anak perempuanku.

Aku segera bergegas balik untuk menghantar barang yang tertinggal dan setelah selesai aku kembali berpatah balik ke tempat kerja. Dalam perjalanan, aku perasan meter minyak motosikal menunjukkan tanda 'E' lalu aku singgah sebentar mengisi minyak di stesen yang berdekatan. Kebetulan pam minyak kesemuanya penuh, lalu aku memarkir motosikal di belakang sebuah kereta jenama Persona berwarna merah gelap. Aku bersabar menunggu giliran dan tiba-tiba aku terdengar suara pemilik kereta tersebut memanggil aku;

"dik, minyak yang akak isi ni masih ada baki, adik sambunglah isi untuk motosikal adik" ujar pemilik kereta tersebut.

"Allah kak, susah-susah je akak ni" balasku sambil tersenyum dan mengucapkan terima kasih padanya yang berkongsi rezeki di pagi hari.

Terlihat satu kepuasan pada riak wajahnya.

Dalam perjalanan ke tempat kerja, aku terfikir begitu banyak rupanya cara untuk kita bersedekah. Iktibar dari kisah ini, apabila kita memudahkan urusan orang lain, InsyaAllah urusan kita akan turut dimudahkan. Allah membuka peluang dan terpulung pada kita untuk mengambil atau tidak peluang yang diberikan. Allah berfirman:

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh." (Surah al-Munaafiqun ; 10).

Sedekah boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti dengan wang mahupun

makanan yang diberikan kepada seseorang yang memerlukan. Hadith riwayat Abu Hurairah menjelaskan bahawa sedekah tidak akan mengurangi harta, dengan begitu makna yang tersirat adalah memperbanyakkan harta.

Allah tidak akan menahan rezeki bagi orang yang suka bersedekah, semakin banyak kita bersedekah maka semakin sering pula Allah memberikan rezeki. Abu Dzar pernah berkisah bahawa suatu hari sewaktu beliau berjalan bersama-sama Rasulullah SAW. Tiba di sebuah tanah lapang di Madinah yang terlihat Bukit Uhud, Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya, harta itu hijau dan manis. Barang siapa mengambilnya dengan kedermawanan hati, maka akan diberkahi; barang siapa mengambilnya dengan keserakahan, maka tidak akan diberkahi. (Jika tidak diberkahi, maka dia) seperti orang yang makan, tapi tidak pernah kenyang. Tangan di atas (memberi) lebih baik daripada tangan di bawah (diberi)." (Hadis Riwayat Muslim).

Cerita Asal: Mohamad Jefri Mohamed Fauzi (Pustakawan Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)

Olahan: Nuraida Ibrahim (Pustakawan Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital) dan Nurul Ainie Mokhtar (Pustakawan Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)

Tanah Yang MERDEKA

Digenggamanku ini sekepal tanah,
Baunya suci tiada cemari
Gunung dan laut menjadi saksi
Keagungan cinta suci abadi

Wahai bangsaku yang merdeka
Tak akan dibiarkan anak merdeka berputih
mata

Tanah ini jagaan kita
Haram disentuh petualang durjana

Duhai Bangsa yang berpijak di tanah
yang merdeka,

Jika kita bercakaran!
Jika kita bersengketa!
Jika kita berlaku curang!
Maka hancurlah perpaduan
Maka runtuhlah penyatuan

Maka lenyaplah segala ikatan janji
Yang telah terpatriti selama ini
Di tanah keramat ini
Abdikan kasih anta permana
Teguhkan tiang janji setia
Walaupun daging tersayat terluka

Ini tanah kita
Tanah ini pusaka yang merdeka
Hasil warisan moyang tercinta
Bertikam lidah segeralah dilupa
Kelak nanti hancur binasa

Kupohon syukur pada yang Esa
Meminjamkan kudrat selama ada
Demi menjaga nusa dan bangsa
Aku bersujud tanda setia
Allahuakbar!



Karya: **Izhar Ruslan**
Pemenang Tempat Ketiga
Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka 2022
Program Semarak Merdeka UPM 2022

AKTIVITI JK PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)



Anggota ERT PSAS sedang menjalani latihan amali balutan anduh



PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD (PSAS) MANTAPKAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)

Serdang, 27 September - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan "Kursus Pemantapan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), PSAS" di Bilik Termasa, PSAS dengan dihadiri seramai 50 orang anggota ERT PSAS. Kursus ini diadakan bagi memenuhi syarat pelaksanaan Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) yang memerlukan anggota Pasukan ERT menjalani latihan kecemasan sebelum latihan Fire Drill diadakan. Secara khususnya, kursus ini bertujuan meningkatkan kompetensi anggota Pasukan ERT dalam menghadapi kes kecemasan seperti alat pemadam api, bantuan awal perubatan dan teknik komunikasi kecemasan.

Pada awal kursus, tiga orang pegawai daripada Pusat Kesihatan Universiti (PKU), UPM telah membimbing anggota ERT PSAS mengenai pertolongan cemas dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR). Latihan ini penting untuk menyelamatkan mangsa yang sedang menghadapi situasi kecemasan sebelum ketibaan bantuan pegawai perubatan.

Peserta kursus diberi pendedahan tentang bahan dan alatan

yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas serta cara-cara penggunaannya. Selepas itu, peserta mempelajari cara balutan anduh pada anggota badan bagi luka berdarah dan patah anggota badan. Akhir sesi ini, fasilitator mengadakan latihan amali tentang teknik dan cara yang betul bagi membantu individu yang tercekik dan latihan CPR.

Manakala, sesi seterusnya dikendalikan oleh ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) PSAS yang berpengalaman dalam menguruskan dan mengendalikan latihan kebakaran. Anggota ERT PSAS diberi pendedahan tentang peranan ERT, mengendalikan alat pemadam api serta penggunaan alat komunikasi walkie-talkie. Pada akhir kursus, simulasi latihan kebakaran telah diadakan bagi menguji keberkesanan komunikasi kecemasan antara anggota Pasukan ERT.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Morni Yati Ibrahim (Ketua, Bahagian Perkhidmatan Pengguna)



Anggota ERT PSAS sedang menjalani Latihan Simulasi Fire Drill



Latihan amali CPR

Latihan Kebakaran di Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Serdang, 29 September - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan Latihan Kebakaran dengan kerjasama Unit Bantu Mula (UBM), UPM. Latihan ini bertujuan melatih Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) untuk mematuhi atur cara dan tindakan awal yang perlu diambil semasa menghadapi sebarang krisis/kecemasan sekiranya berlaku di Perpustakaan.

Bagi tujuan latihan ini, insiden kebakaran dicituskan dengan dengan kepulan asap di Pejabat Ketua Pustakawan dan disusuli dengan bunyi sistem penggera keselamatan. Anggota ERT PSAS bertindak segera melakukan pengungsian bangunan dan operasi menyelamatkan. Selepas latihan dijalankan, anggota ERT PSAS diberi taklimat mengenai

hasil latihan kebakaran yang dilaksanakan oleh komander insiden PSAS, pegawai Unit Bantu Mula dan pegawai Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, UPM. Di penghujung program, pihak Unit Bantu Mula UPM memuji tindakan pantas anggota Pasukan ERT semasa latihan kebakaran dijalankan dan berharap agar latihan seumpama ini dapat ditambah baik di masa hadapan. Tahniah Pasukan ERT PSAS!

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Morni Yati Ibrahim (Ketua, Bahagian Perkhidmatan Pengguna)



Anggota ERT PSAS bergambar di samping jentera Unit Bantu Mula selepas latihan Fire Drill.



Komandan Insiden, Puan Morni Yati Ibrahim memberi taklimat kepada Pasukan ERT.



Anggota Unit Bantu Mula (UBM) UPM sedang melaksanakan operasi pemadaman api.



Mangsa yang cedera dan pangsang sedang diberi rawatan awal oleh First Aider ERT PSAS.

AKTIVITI SEPANJANG BULAN KEMERDEKAAN 2022

Bulan Kemerdekaan pada tahun 2022 dapat disambut secara fizikal berbanding dua tahun sebelumnya ini ekoran Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Antara aktiviti yang telah berlangsung di Perpustakaan sepanjang Bulan Kemerdekaan ialah, penyertaan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Terjah Patriotik 2022, Tandatangan Merdeka dan Pertandingan Video Tiktok Merdeka 2022.

Oleh: Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

Penyertaan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang



Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM (PKKSSAAS) telah menganjurkan Program Semarak Merdeka 2022. PSAS telah turut serta bagi kategori Pertandingan Kibar Jalur Gemilang dan berjaya tersenarai dalam 10 PTJ terbaik serta merangkul Anugerah Khas (Konsep dan Tema Terbaik). Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman dan Pendaftar UPM, Encik Muhazam Mansor semasa Sambutan Ambang Kemerdekaan UPM.

Terjah Patriotik 2022



Terjah Patriotik 2022 merupakan satu sosial eksperimen yang menarik tumpuan ramai apabila telatah pengacara dari Jawatankuasa Media Sosial iaitu Encik Badrul Hisham dan Cik Norhazura Hamzah yang lucu serta pandai memikat hati orang ramai di sekitar Perpustakaan Sultan Abdul Samad bagi menjawab soalan spontan berkenaan kemerdekaan. Sosial eksperimen ini bertujuan untuk memupuk nilai cintakan tanah air dan juga pengetahuan tentang kemerdekaan dan negara Malaysia. Respon positif telah diberikan oleh semua responden.

Tandatangan Merdeka



Aktiviti Tandatangan Merdeka bertujuan untuk menzahirkan rasa patriotik dan cinta kepada negara Malaysia dengan menurunkan tandatangan beserta ucapan bersempena Hari Kemerdekaan Ke 65. Kain rentang ini telah diletakkan di beberapa lokasi antaranya Ruang Legar Aras 1 Blok A dan Anjung Ilmu Blok B, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Lebih 300 tandatangan telah berjaya diturunkan di atas kain rentang tersebut.

Pertandingan Video TikTok Merdeka 2022



Pertandingan TikTok Merdeka telah diadakan pada sepanjang Ogos sehingga 16 September 2022. Ia merupakan satu pertandingan baharu yang dipertandingkan bagi menyemarakkan, memupuk dan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan warga PSAS. Pertandingan ini adalah terbuka kepada setiap Zon EKSA dan juga individu yang berminat. Durasi bagi setiap penyertaan adalah antara 1 – 3 minit dan bertemakan kemerdekaan. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

- Tempat Pertama: Zon Raja Muda Musa : shorturl.at/CDWX6
- Tempat Kedua: Zon Raja Ibrahim : shorturl.at/aDHV9
- Tempat Ketiga: Puan Azariah Hashim : shorturl.at/dimz2
- Tempat Keempat: Puan Nuraida Ibrahim : shorturl.at/btGQ6
- Tempat Kelima: Zon Raja Sulaiman : shorturl.at/alO19

PROGRAM BUBUR LAMBUK LAUTAN KASIH

Serdang, 15 April – Jawatankuasa Kelab PSAS telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Lautan Kasih sempena bulan Ramadhan bagi memupuk semangat kerjasama dalam kalangan Staf PSAS. Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim turut sama bergotong-royong dalam menyediakan bubur lambuk dan mengagihkan kepada staf dan pelajar yang berkunjung ke Perpustakaan pada hari tersebut.



Sekitar Majlis Sambutan Hari Raya Aidulfitri PSAS 2022

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PSAS 2022

Serdang, 30 Mei - Jawatankuasa Kelab PSAS telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya PSAS 2022 di Bilik Termasa, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Majlis telah dimeriahkan dengan kehadiran warga dan pesara PSAS (tahun 2018-2022). Para tamu dihidangkan dengan pelbagai juadah dan persembahan dengan tujuan menjalin dan mengeratkan silaturahmi.



Sekitar Majlis Sambutan Hari Raya Aidulfitri PSAS 2022

MAJLIS MAKAN MALAM KURSUS PEMANTAPAN ORGANISASI PSAS 2022

Port Dickson, 6 Ogos - Jawatankuasa Kelab PSAS telah menganjurkan Majlis Makan Malam PSAS 2022 di D'Wharf Hotel Serviced & Residence, Port Dickson sempena Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022. Bertemakan 'Aloha', majlis telah dimeriahkan dengan persembahan daripada staf, pertukaran hadiah, dan cabutan bertuah. Hadiah utama untuk cabutan bertuah telah dimenangi oleh Puan Nur Farhana Abdullah yang memenangi pakej penginapan 2 hari 1 malam di Gallery Suite, Le Meridien, Putrajaya bernilai RM 1,500.00.



Sekitar Majlis Makan Malam Kursus Pemantapan Organisasi PSAS 2022

Oleh: Sakinah Sariff (Pembantu Pustakawan, Pejabat Ketua Pustakawan)



Siri 1/2022



Nur Haziqah Abdul Hamid



Nur Alifah Ilyana Mohd Zakri

Program:
Sarjana Muda Sains Maklumat (IM224),
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Rembau

Tempoh Latihan Industri:
1 Mac 2022 - 31 Julai 2022

Siri 2/2022



Noor Faqihah
Yusof



Nur Amely
Jasreen Japeri



Amirah Qistina
Amir Hamzah



Fatin Farzana
Mohd Aswan

Program:
Diploma Pengurusan Perpustakaan (IM120),
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi Mara Cawangan Kedah,
Kampus Merbok

Tempoh Latihan Industri:
15 Ogos 2022 - 24 September 2022

Siri 3/2022



Amirah Zakiah Rosihidin

Program:
Sarjana Muda Sains Maklumat (IM224),
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor,
Kampus Puncak Perdana

Tempoh Latihan Industri:
1 September 2022 - 31 Januari 2023

Siri 4/2022



Muhammad Hafizuddin Mohd Noor

Program:
Bacelor Sastera Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Tempoh Latihan Industri:
3 Oktober 2022 - 19 Mac 2023

LAWATAN PENANDAARASAN KOLEKSI NADIR DI PERPUSTAKAAN SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS (SMNA), ISTAC-IIUM



Antara bahan pameran Rare Collections yang terdapat di Perpustakaan SMNA, ISTAC-IIUM

Penyampaian cenderamata oleh Puan Azwana Ab Rahman, Ketua Bahagian Sumber Pertanian Malaysia, PSAS selaku wakil pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) kepada pihak Perpustakaan SMNA, ISTAC-IIUM

Kuala Lumpur, 12 Oktober 2022 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan lawatan penandaarasan Koleksi Nadir ke Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA), ISTAC-IIUM pada 12 Oktober 2022. Lawatan ini bertujuan bagi mendapatkan ilmu pengetahuan berkaitan Koleksi Nadir (Rare Collections) di Perpustakaan SMNA, ISTAC-IIUM seterusnya mengambil amalan terbaik bagi pembangunan serta pengurusan Koleksi Nadir Pertanian PSAS.

Delegasi lawatan yang terdiri daripada 5

orang pegawai PSAS diketuai oleh Ketua Bahagian Sumber Pertanian Malaysia, Puan Azwana Ab Rahman telah disambut oleh Ketua Perpustakaan SMNA, ISTAC-IIUM, Encik Fazli Omar dengan ucapan alu-aluan dan lawatan sekitar Bangunan International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC-IIUM).

Delegasi PSAS seterusnya dibawa melihat Koleksi Nadir dan diberi penerangan mengenai penjagaan dan pengurusan koleksi tersebut. Selain itu, delegasi lawatan juga telah berpeluang melawat ke Makmal Projek

Pendigitalan Manuskrip IIUM bagi melihat proses imbasan manuskrip.

Sesi lawatan berakhir pada jam 1.00 tengah hari setelah selesai perbincangan dan pertukaran pendapat daripada kedua belah pihak. Hasil daripada lawatan ini diharap dapat membantu pihak PSAS dalam membangunkan Koleksi Nadir Pertanian PSAS serta mengeratkan lagi hubungan baik di antara pihak PSAS dan Perpustakaan SMNA, ISTAC-IIUM di masa hadapan.

Oleh: Nur Azleen binti Hasan (Pustakawan Kanan, Bahagian Sumber Pertanian Malaysia)

Lawatan Persediaan Akreditasi di Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina

Serdang, 6 Sept - Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina (PKSB) telah menerima kunjungan daripada wakil Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, UPM iaitu Puan Azzlia Mohd Unaini dan Puan Ernaleza Mahsum untuk menilai perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi perpustakaan yang disediakan untuk pelajar. Hasil rakaman gambar, video dan maklumat yang telah diperolehi akan digunakan sebagai pelaporan kepada Panel Penilai Akreditasi Luar iaitu Profesor

Dr. Hussain U. Bahlia dari Universiti of Wisconsin, USA pada September secara dalam talian. Secara keseluruhan, mereka berpuas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi yang disediakan bagi memenuhi keperluan pelajar.

Oleh: Samsida Samsudin (Pustakawan Kanan, Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina)

Lawatan ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad

TARIKH LAWATAN	LAWATAN
15/4/2022	Pusat Sains Negara
24/5/2022	UiTM Seremban 3
10/8/2022	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
11/8/2022	SMK Seri Rahmat, Johor
22/8/2022	Lawatan Penandaarasan EKSA oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) & Bahagian Audit Dalam UPM
25/8/2022	College Of Horticulture, Akola India
20/9/2022	Lawatan Penandaarasan EKSA Pejabat TNCPi UPM
21/9/2022	SMK Bachok, Kelantan
29/9/2022	SMK Tmn Mount Austin, JB
27/10/2022	SMK Jalan Empat Bangi



Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)



SMK Tmn Mount Austin, JB

Oleh Nur Farhana Abdullah



Tahniah

kepada staf PSAS



Pingat Emas (Acara Hoki)

EN. MOHD RASHIDI OSMAN NUSI



Pingat Perak

(Acara Ping pong - Berpasukan Campuran)

CIK AZIAN EDAWATI ZAKARIA



ISSN 1675-4806



DISEMBER 2022